

TRANSFORMASI LPP

Lahir Peladang Progresif

Bil 1/2016



Legasi Kepimpinan LPP





06



09 18



08



13



14

KANDUNGAN

EDITORIAL

Penaung

Dato' Haji Mohd Salim bin Haji Taha

Penasihat

Mohd Naser bin Harun
Encik Hamzah bin Haji Bahari

Ketua Pengarang

Nik Mohd Shaharil bin Nik Md. Hashim

Penyunting

Rosli bin Yaakub
Norsidah binti Haji Mohd Nor

Edisi Internet

Mohd Asyraf bin Mohd Fauzi
Shuwib bin Ab. Karim

Grafik

Azizan bin Othman
Kamaruzzan bin Hanif

Jurufoto

Muhammad Afiq bin Azman

Diterbitkan oleh :

Lembaga Pertubuhan Peladang
No. 20, Menara LPP,
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur.

Edaran

Nik Mazri bin Mat Yusof
Mohd Haniff bin Asim@Hasyim
Shafrin Azhar bin Abd. Ghani

Transformasi LPP Elektronik boleh dilayari

<http://www.lpp.gov.my>

Rekabentuk dan cetakan oleh:

Giga Wise Network Sdn Bhd
Tel: 03-5191 1115
www.gigaprint2u.com

04 BIOGRAFI Pengerusi dan
Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang

05 BIOGRAFI Timbalan Ketua Pengarah
Operasi dan Timbalan Ketua
Pengarah Pembangunan
Lembaga Pertubuhan Peladang

06 AMANAT
Menteri Pertanian dan
Industri Asas Tani

08 AMANAT
Ketua Pengarah LPP

10 KEMPEN Meremajakan Pertubuhan
Peladang (PP) Sasar Peningkatan
Usahawan Muda Menjelang 2020

14 PEMUTUAN PADI SEBENAR:
Pematuhan Rice Check
Menentukan Penghasilan
Tinggi

17 INSPIRASI FERTIGASI ROCK MELON
-PPK KUALA SELANGOR



04

BIODATA PENERUS LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Nama : TAN SRI DATO' HAJI
ZAINAL BIN DAHALAN
Jawatan : Pengerusi LPP
Tarikh Lahir : 27 Februari 1948
Tempat Lahir : Kuala Selangor, Selangor
Tarikh Lantikan di LPP : 01 Jun 2010

“LPP berjaya melaksanakan program yang dirancang dan mengorak langkah sejajar dengan keputusan Kerajaan yang menetapkan matlamat untuk meningkatkan taraf hidup para peladang serta mengubah paradigma sektor pertanian sebagai sektor yang menjamin masa depan yang lebih cemerlang.”



BIODATA TIMBALAN KETUA PENGARAH OPERASI

Nama : MOHD NASER BIN HARUN
Jawatan : Timbalan Ketua Pengarah Operasi
Tarikh Lahir : 217 Mei 1957
Tempat Lahir : Melaka
Tarikh Lantikan di LPP : 10 Mei 1982

“Setiap manusia adalah arkitek kehidupannya sendiri. Dia membinanya seperti mana yang dikehendakinya namun selepas dia membina apa yang dikehendakinya, kadang kala dia mendapati bahawa dia tidak menyukai apa yang telah dibinanya dan mencari seseorang atau sesuatu untuk dipersalahkan daripada mencuba untuk menukar dirinya sendiri.”



BIODATA KETUA PENGARAH LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Nama : DATO' HAJI MOHD
SALIM BIN HAJI TAHA
Jawatan : Ketua Pengarah LPP
Tarikh Lahir : 22 Mac 1958
Tempat Lahir : Muar, Johor
Gred : Jusa B (VU6)
Tarikh Lantikan di LPP : 01 April 1983

“Semangat kerja berpasukan merupakan budaya kerja yang sangat unggul di LPP. Hanya mempunyai seorang Kapten yang cekap dan pemain bola yang terpilih tidak menjamin kemenangan pasukan sekiranya tidak ada semangat kerja berpasukan di kalangan ahli pasukan itu sendiri. Seperti kata pepatah; Nak jalan laju, jalan sorang-sorang, Nak jalan jauh, jalan ramai-ramai.”



BIODATA TIMBALAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN

Nama : HAMZAH BIN HAJI BAHARI
Jawatan : Timbalan Ketua Pengarah
Pembangunan
Tarikh Lahir : 3 Mac 1959
Tempat Lahir : Sungai Petani, Kedah
Tarikh Lantikan di LPP : 13 Mei 1982

“Wahai anak Adam! Lapangkanlah masa untuk beribadat kepadaKu, nanti Aku penuhkan dadamu kekayaan, dan Aku akan menutup kemiskinan. Jika kamu tidak melakukan yang demikian, nanti Aku penuhkan tanganmu dengan urusan kerja, dan Aku tidak menutup kemiskinanmu.”

(Hadis Qudsi Riwayat Imam Tirmidzi, Ibnu Majah, Ahmad dan Ibnu Habbani)



CABARAN – CABARAN MENDATANG TAHUN 2016

Oleh : Mohd Asyraf bin Mohd Fauzi

YB. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dalam Majlis Amanat Tahun Baru 2016 telah mengajak semua warga kementerian mengimbas kembali perjalanan dan cabaran pada tahun 2015 yang lalu. Pada tahun 2015, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) berada di barisan hadapan dalam memberi bantuan kepada rakyat yang ditimpa bencana banjir yang dilakukan kepada mangsa di Kelantan dan Pahang. YB. Dato' Sri mengucapkan tahniah kepada agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di atas usaha dalam membuat persediaan awal menghadapi bencana banjir.

Pada tahun tersebut juga, pelbagai acara besar telah berjaya dilaksanakan oleh MOA seperti Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPNK) 2015, Sambutan 6 Ogos LPP, Sambutan Ulang Tahun FAMA dan sebagainya. Beliau turut menyeru semua pihak yang berada di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dan cabaran-cabaran yang bakal dihadapi pada tahun mendatang. Beliau turut menasihatkan agar negara memberi fokus kepada sektor pertanian yang turut menyumbang kepada pendapatan negara berikutan kejatuhan harga minyak. Pada masa kini, kadar eksport negara rendah berbanding import. Justeru, bagi mewujudkan imbalan pembayaran perdagangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merupakan salah satu kementerian yang terlibat bagi meningkatkan eksport produk pertanian ke luar negara pada tahun 2016.

YB. AHMAD SHABERY CHEEK

Amanat Tahun Baru 2016
Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani



Kawalan terhadap barang yang dimport juga tidak boleh dilakukan kerana harga barang yang diimport adalah lebih murah. Oleh itu, ini menjadi cabaran kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta agensi di bawahnya agar meningkatkan produktiviti dan pengeluaran supaya bekalan akan mudah diperolehi dengan harga yang murah. Ini turut dibantu dengan cadangan mewujudkan insurans kewangan bagi melindungi produk dan aktiviti pertanian di negara seperti yang dilakukan oleh Amerika Syarikat serta Indonesia, dan boleh dilaksanakan di Malaysia pada tahun ini.

Selain itu, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu meningkatkan daya saing di pasaran dunia terutamanya produk pertanian yang menjadi pilihan utama di pasaran luar. Perkara penting yang perlu diberi penekanan adalah pengangkutan, kerana ia melibatkan kos dan masa seterusnya dapat memastikan produk pertanian yang dihantar masih dalam keadaan segar dan tidak rosak. Harga juga menjadi faktor penting bagi mencapai keluaran maksimum produk pertanian, yang mana terdiri daripada takrif, cukai kerajaan dan sebagainya. Langkah bagi mengatasinya adalah dengan menggunakan promosi, di mana penerangan jelas diberikan untuk menarik orang ramai menggunakan produk pertanian yang dihasilkan di dalam negara. Ini merupakan usaha atau pendekatan yang turut diberi penekanan bagi tahun 2016.

YB. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, turut menyuarakan mengenai kadar import berkalen pertanian negara seperti Arab Saudi, Australia dan Kesatuan Eropah (EU) yang masih lagi tinggi, manakala eksport Malaysia ke negara tersebut adalah rendah menyebabkan kadar imbalan menjadi defisit. Justeru, langkah yang perlu diambil adalah dengan mencari pasaran baru dan alternatif bagi menggantikan produk yang diimport di negara tersebut. Sumbangan sektor pertanian di dalam KDNK negara adalah sebanyak 35 bilion iaitu 9.77 peratus pertumbuhan setahun. Oleh itu, melalui sumbangan seumpama ini sektor pertanian dapat memberi kesan positif kepada peluang pekerjaan di dalam negara.

Seterusnya, beliau turut menasihatkan setiap keputusan yang hendak dibuat samada di peringkat kementerian atau agensi perlulah disertakan data-data yang mencukupi. Data ini digunakan bagi membuat perancangan awal kerana sektor pertanian amat dipengaruhi oleh persekitaran terutamanya berkaitan iklim. Melalui data juga, perancangan awal dan langkah-langkah yang perlu diambil seperti subsidi dan potongan untuk produk pertanian dapat dilaksanakan.

YB. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, dalam amanatnya turut menekankan agar setiap pegawai di dalam kementerian dan agensi perlu mempunyai daya fikir bercorak keusahawanan dalam melaksanakan setiap program. Beliau mengingatkan pegawai mesti bertindak dengan segera bagi mengatasi sebarang masalah yang berkaitan agromakanan negara dan perlu memastikan bekalan makanan mencukupi. Selain itu, anggota yang terlibat juga perlu mempunyai kefahaman dari segi kehendak pasaran, kehendak industri dan sentiasa mencari peluang bagi mengaplikasikan ilmu tersebut di dalam setiap program yang dilaksanakan terutamanya program yang menyumbang kepada penjimatan dana negara.

Bagi projek yang bakal dilaksanakan pada tahun ini, perancangan awal perlu dilaksanakan dengan memberi kepentingan kepada masyarakat bukan kontraktor agar memberi manfaat berpanjangan pada masa hadapan. Pegawai di kementerian dan agensi juga perlulah menyelesaikan masalah dengan kreatif dan membantu menjadi perantara yang berkesan kepada masyarakat bukan sekadar berpakaian kemas. Cara berfikir juga perlulah di ubah agar lebih berkesan dan mengambil tanggungjawab bagi mendidik usahawan sehingga berhasil membina perniagaan yang menguntungkan.

YB. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek percaya para pegawai dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta agensi di bawahnya, mempunyai keupayaan dalam mengubah kementerian ini ke arah yang lebih baik melalui program-program yang bakal dijalankan dengan mengambil cabaran-cabaran pada tahun 2016 sebagai satu peluang positif.

PELAN KORPORAT LPP KE 6 - MENDEPANI SEKTOR AGROMAKANAN NEGARA.

Oleh : Norsidah binti Haji Mohd Nor

Dato' Haji Mohd Salim bin Haji Taha, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), telah memilih tarikh 18 Januari 2016 yang lalu bagi menyampaikan amanat beliau bersempena Tahun Baru 2016. Ibarat kata pepatah pemimpin silih berganti namun, warga LPP akan terus komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan agar peranan LPP sebagai peneraju transformasi Pertubuhan Peladang (PP) dan Peladang Progresif di negara ini diterjemahkan dengan lebih berkesan.

Pelbagai pelan masa hadapan telah dirangka bagi mendepani perjalanan karier yang baharu digalas ini disamping, menentukan hala tuju pelayaran 'Kapal' (LPP) dengan disokong oleh 3,000 anggota sebagai 'petugas kapal' menuju ke destinasi tahun 2020 dengan selamat. Beliau menegaskan lagi bahawa 'penumpang kapal' yang merupakan para peladang perlu mendapat manfaat dari perkhidmatan yang diberikan oleh 'petugas kapal' disepanjang pelayaran.

Bagi memastikan keselesaan dan bekerja dalam suasana yang positif, beliau menyeru agar warga LPP menjadikan tempat kerja samada di LPP, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai *second home*. Persekitaran yang kondusif, cantik dan ceria perlulah diwujudkan. Sementara penghuninya juga perlulah bersikap terbuka, sentiasa bekerjasama dan menjalinkan hubungan yang baik antara satu sama lain.

Beliau mengibaratkan 3,000 anggota yang berkhidmat di LPP seperti rantai yang bertaut. Ia merupakan sebuah perlambangan yang ingin diketengahkan oleh beliau demi menerapkan imej berpasukan dalam kalangan anggota. Setiap anggota perlulah memainkan peranan masing-masing agar suasana kerja yang efektif dan efisien berjaya diwujudkan, seterusnya membawa nama



LPP bersama-sama ke peringkat yang lebih tinggi. Seperti kata pepatah "Nak jalan laju, jalan sorang-sorang, nak jalan jauh, jalan ramai-ramai".

Melalui Pelan Korporat LPP ke 6, terdapat lapan teras utama yang dibincangkan. Pelan Korporat LPP ini merupakan sebuah dokumen yang disediakan mengikut acuan dalaman LPP sendiri setelah mengambil kira dasar dan polisi kerajaan yang terkini terutamanya Dasar Agromakanan Negara (DAN), RMK-11, pelan korporat terdahulu dan arahan semasa Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Lapan Teras Utama Pelan Korporat LPP Ke 6 ini adalah mendaftarkan pengeluaran agromakanan (tanaman, ternakan, akuakultur), meremajakan Pertubuhan Peladang (PP) khususnya PPK, transformasi regulatori, membangunkan PP (NAFAS, PPN, PPK) sebagai entiti perniagaan, transformasi industri asas tani (IAT) automasi dan mekanisasi, membangunkan modal insan dan profesionalisma anggota atau peladang, memperkasakan sistem penyampaian yang berkesan dan memperkasakan teknologi maklumat (IT) sebagai teras kecemerlangan organisasi.

DATO' HAJI MOHD SALIM BIN HAJI TAHA

Amanat Tahun Baru 2016
Ketua Pengarah LPP



Tiga teras telah menjadi fokus atau prioriti untuk dilaksanakan sebagai transformasi utama LPP. Pertamanya, membangunkan PP sebagai entiti perniagaan. Pembangunan business modal PP yang baru adalah bagi mengurangkan pergantungan terhadap dana kerajaan malah, penggunaan *soft loan* dari Tabung Pembangunan Usahaniaga Peladang (TPUP), Tabung K3P, DPK, Tekun Nasional, dan Agrobank secara optimum amatlah digalakkan.

Keduanya, transformasi regulatori dilaksanakan bagi menzahirkan imej LPP sebagai pendaftar PP. Melalui transformasi regulatori ini, tempoh penggal perkhidmatan AJP di NAFAS, PPN dan PPK telah ditambah kepada 3 tahun dari 2 tahun dengan maksimum perkhidmatan 9 tahun. Transformasi regulatori juga mewajibkan AJP menghadiri kursus mandatori PP sebagai syarat kelayakan asas untuk menduduki kerusi AJP. Selain itu, kumpulan pakar dalam bidang regulatori PP akan dibangunkan seiring dengan keperluan semasa.

Bagi melihat keberkesanan perubahan terutamanya dalam sektor agromakanan negara, YBhg. Dato' melancarkan kempen meremajakan PP secara meluas. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan penyertaan peladang muda ke PP dengan program-program yang bersesuaian dari peringkat sekolah sehinggalah golongan muda di bawah umur 40 tahun melalui Kor Tani, MyAgrosis dan Program Sains Pertanian. Kempen ini mensasarkan penglibatan golongan muda (lelaki dan wanita) dari 15 peratus kepada 30 peratus menjelang tahun 2020.

Amanat Ketua Pengarah pada tahun ini juga menfokuskan terhadap transformasi pengurusan sumber manusia iaitu pembentukan dua laluan kerjaya di LPP dan PP. Transformasi ini bermaksud

penempatan anggota di LPP (Ibu Pejabat, LPP Negeri, PPD dan IPP) serta di Pertubuhan Peladang (NAFAS, PPN dan PPK) akan diteruskan sehingga tarikh persaraan mereka. Kedua, mengekalkan tiga jawatan utama di PP yang diterajui oleh anggota LPP iaitu jawatan Pengurus Besar, Pengurus Akaun dan Pengurus Khidmat Sosial. Seterusnya, melalui transformasi pengurusan sumber manusia ini, pengambilan anggota baru di LPP ditetapkan kepada 60 peratus calon luar (baharu) dan 40 peratus lagi adalah calon dalaman.

Terdapat dua prinsip atau nilai yang dibentangkan di dalam Amanat Ketua Pengarah pada tahun ini. Pertamanya, prinsip memulangkan yang hak kepada yang berhak iaitu dengan menyelaraskan tugas hakiki semua anggota LPP mengikut skim perkhidmatan masing-masing yang meliputi skim E, J, W, N dan lain-lain. YBhg. Dato' turut memberi penekanan terhadap nilai kerja berintegriti kerana ia menjadi indikator penting dalam mengukur aspek keperibadian anggota LPP.

Sesungguhnya, pelaksanaan Pelan Korporat Ke 6 ini akan mendominasi fungsi regulatori LPP dan pelaksanaan program pembangunan kepada PP (NAFAS, PPN, PPK). Fokus pendekatan kepada *System Centered* diutamakan berbanding dengan *Person Centered*, namun masih menjurus kepada *People Centric* sebagai hasil terhadap pendekatan yang dibuat. Walaubagaimanapun, aspek kebajikan anggota LPP akan tetap diberi keutamaan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Korporat LPP Ke 6 ini.

Setinggi-tinggi Tahniak

kepada

YBhg. Tan Sri Dato' Haji Zainal bin Dahalan

atas pelantikan sebagai

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang

dan

Dato' Haji Mohd Salim bin Haji Taha

sebagai

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang

Ikhlas daripada Warga Kerja LPP





Kempen Meremajakan Pertubuhan Peladang (PP) Sasar Peningkatan USAHAWAN MUDA Menjelang 2020

Oleh : Norsidah binti Haji Mohd Nor

Pada tahun 2016 ini, dalam merangka program yang mendatangkan impak positif kepada golongan sasaran, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan memberi fokus kepada meremajakan Pertubuhan Peladang (PP) yang merupakan cabang usaha mentransformasikan LPP. Keahlian PP sehingga kini adalah seramai 848,000 orang. Jika dilihat kepada pecahan umur penyertaan, ahli yang berumur 60 tahun ke atas adalah 45 peratus, pecahan umur 41-59 tahun sebanyak 40 peratus manakala, golongan muda yang berumur di bawah 40 tahun adalah 15 peratus.

Berdasarkan data yang diperolehi, kita mensasarkan peningkatan bilangan usahawan muda dari 15 peratus kepada 30 peratus sehingga tahun 2020. Ini kerana penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian amat penting kerana mereka mempunyai tenaga, idea dan semangat yang tinggi dalam menentukan halatuju sektor agromakanan negara.

LPP begitu komited dalam usaha melahirkan bakal-bakal usahawan muda masa hadapan. Justeru, LPP mengadakan Program Kelab Sains Pertanian di 20 buah sekolah yang terpilih di seluruh negara. Peruntukan sebanyak RM10,000 diberikan kepada setiap sekolah agar aktiviti pertanian dapat dipergiatkan lagi. Pendedahan awal secara jelas dan berinteraktif mengenai bidang pertanian akan dapat menarik minat para pelajar untuk menjadikan pertanian sebagai salah satu bidang pekerjaan di masa akan datang.

Seterusnya, langkah meremajakan PP dipertingkatkan lagi dengan mengaktifkan MyAgrosis LPP yang sedia ada di Universiti Sains Malaysia (USM). Melihat kepada penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian negara yang agak rendah iaitu sekitar 15 peratus, LPP mengambil inisiatif ini dengan memberi ruang dan peluang melalui program latihan dan suntikan dana kepada peserta. Khidmat nasihat dan bimbingan akan diberikan kepada

peserta agar bidang yang diceburi berjaya dan berjalan dengan lancar.

Sesungguhnya, penubuhan MyAgrosis di bawah unit Agropreneur Muda oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini, memberi harapan baru bagi melahirkan pelapis usahawan yang sedia ada dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara. Peruntukan sebanyak RM90 juta yang diumumkan oleh Perdana Menteri, bagi pelaksanaan program di bawah Agropreneur Muda membuktikan keprihatinan dan usaha kerajaan bagi menarik penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian.

LPP melalui Program Kor Tani akan menggandakan ahli bagi program ini sehingga sekurang-kurangnya 10,000 orang ahli. Peruntukan sebanyak RM7.2 juta telah diluluskan oleh MOA pada tahun 2014 bagi pelaksanaan program yang telah dirangka sekian lama.

Program Azam Tani merupakan salah satu program yang diberi tumpuan pada tahun ini. Seramai 2,740 orang peserta telah terlibat setakat tahun 2015 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM27.4 juta. Program ini dapat membantu mempertingkatkan pendapatan golongan sasaran melalui pemberian bantuan projek pertanian dan industri asas tani.

Sesungguhnya, program-program yang disusun sepanjang tahun 2016 ini bakal membawa transformasi ke dalam bidang pertanian dengan penglibatan golongan muda sebagai pencetus kepada usahawan tani masa hadapan, yang menyumbang kepada peningkatan Self Sufficient Level SSL sehingga tahun 2020. Usaha yang dilakukan ini perlu dijayakan dengan ketekunan dan komitmen yang jitu bagi meraih kejayaan yang luar biasa.



Pemutuan Padi Sebenar

Pematuhan 'Rice Check' menentukan penghasilan tinggi

Suntingan oleh : Haji Rosli bin Yaakub

Pada dua keluaran yang lepas kita telah perkenalkan kepentingan pelaksanaan pemutuan padi sebenar. Dikeluaran yang awal kita telah didedahkan mengenai pemotongan kualiti padi dilakukan berdasarkan gabungan tiga hasil analisis mengikut jadual pemotongan yang ditetapkan untuk peningkatan hasil padi dan seterusnya akan meningkatkan hasil serta pendapatan peladang-peladang.

Seterusnya kita didedahkan juga cara mendapatkan padi bersih melalui proses penggredan dengan mengasingkan padi daripada padi rosak, tidak matang, antah dan benda asing lain, seterusnya hanya peratusan padi bersih yang akan diambil kira untuk pembayaran akhir kepada pesawah.

Justeru, bagi mendapatkan padi bersih tindakan-tindakan awal sebelum peringkat penanaman dijalankan lagi perlu mengikut garis panduan atau *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditentukan. Langkah-langkah tersebut boleh didapati dalam senarai semakan tanaman padi (*Rice Check*).

Senarai Semakan Tanaman Padi (*Rice Check*) adalah panduan untuk menguruskan tanaman padi mengikut sasaran yang ditetapkan. Setiap Check Utama mesti ditepati untuk pertumbuhan yang baik ke arah penghasilan yang tinggi.

Pemantauan dan pemerhatian pokok dan status ladang dari segi pertumbuhan, pengurusan air, pembajaan, serangan rumpai dan perosak dan tuaian adalah penting untuk mengenalpasti masalah dan mengambil tindakan penyelesaian masalah.

Pertumbuhan tanaman perlu diperhati, diukur dan disimpan data untuk panduan pengurusan musim selanjutnya. Kita perlu belajar dari pengalaman dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mempertingkatkan pengurusan ladang setiap musim.

CHECK UTAMA 1 PENENTUAN STATUS KEASIDAN TANAH

“Pastikan tanah sawah tidak berasid”

- pH tanah yang paling sesuai untuk tanaman padi ialah 5.5 – 6.5.
- Jika bacaan pH tanah kurang dari pH 5.5 tabur kapur jenis debu atau sembur kapur jenis cecair.

Kadar kapur debu yang perlu digunakan ialah :

- Bacaan pH 5.0 – 5.5 tabur 1.4 tan/hektar (16 beg/relong @ 25 kg/beg)
- Bacaan pH 4.5 – 5.0 tabur 2.8 tan/hektar (32 beg/relong @ 25 kg/beg)
- Bacaan pH 4.5 dan kurang tabur 5.0 tan/hektar (57 beg/relong @ 25 kg/beg)

Kadar kapur cecair yang disyorkan ialah :

- Bacaan pH 4.5 – 5.0 sembur 17.5 liter/hektar (5 liter/relong)
- Bacaan pH 3.5 – 4.5 sembur 35 liter/hektar (10 liter/relong)
- Bacaan pH 3.5 dan kurang sembur 52.5 liter/hektar (15 liter/relong)

Analisa tanah yang lengkap berkaitan status kemasaman/kesuburan tanah akan dilakukan oleh MADA/KADA dan Jabatan Pertanian secara berperingkat-peringkat. Syor pembaikan akan dikeluarkan berdasarkan kepada keputusan yang didapati.

CHECK UTAMA 2 KEADAAN PETAK SAWAH

“Petak mestilah rata dan dijaga dengan baik”

- Permukaan sawah mestilah rata. Perbezaan antara tempat paling rendah dan paling tinggi lebih kurang 5 cm (2 inci).
- Lakukan perataan tanah pada musim kering jika tanah sawah tidak rata.
- Batas mesti dijaga dengan sempurna untuk mengawal air di dalam petak. Jangan guna racun rumpai jenis menyerap contohnya glifosat dengan kerap untuk mengawal rumpai di atas batas kerana ia boleh menyebabkan struktur tanah batas runtuh. Sebaiknya guna mesin rumput jenis galas untuk kawalan rumpai di batas.
- Pastikan adanya tempat air masuk dan keluar bagi setiap petak sawah.

CHECK UTAMA 3 KAWALAN PADI ANGIN

“Padi angin boleh mengurangkan hasil padi sehingga 90%”

- Kenalpasti petak yang mengalami infestasi padi angin musim lepas bagi memudahkan kawalan dijalankan pada musim ini.
- Kaedah paling berkesan mengawal padi angin ialah menanam (mencedung).
- Sekiranya kaedah tabur terus hendak diamalkan pastikan langkah-langkah berikut diikuti:
 - Potong tunggul padi rapat dengan tanah antara 0 hingga 5 hari lepas menuai. Serakkan dengan sekata di dalam petak.
 - Bakar jerami yang kering. Ini bertujuan bagi memusnahkan benih padi (termasuk benih padi angin) yang terdapat di atas permukaan tanah.
 - Buat putaran kering 7 – 14 hari selepas membakar jerami. Ini bertujuan memusnahkan benih padi yang tumbuh selepas pembakaran.
 - Sembur racun glifosat jika masih lagi terdapat padi batat yang tumbuh selepas 7 – 10 hari putaran kering dijalankan.
 - Buat putaran kedua dalam keadaan basah (air bertakung). Selepas putaran ini sembur racun pretilachlor pada kadar 500 ml/relong ke atas permukaan air. Ini bertujuan bagi membunuh benih padi yang terdapat di dalam air bagi petak tersebut. Takung air sekurang-kurangnya 7 hari sebelum disalir keluar.

- Buat putaran ketiga diikuti dengan mabadi dan pembinaan lorong kerja pada jarak 10 kaki antara lorong.
- Tabur benih bermutu (didapati dari sumber yang sah) yang direndam dengan bahan penggalak percambahan benih bagi membantu pertapakan anak benih yang baik.
- Buat penakaian (potong) padi meninjau sebelum tangkai padi masuk isi. Sekiranya kaedah menanam dan kaedah di atas tidak dapat diikuti, kaedah tabur benih dalam air disyorkan.

CHECK UTAMA 4 JADUAL PENGAIRAN

“Ikut jadual pengairan untuk menjimatkan air”

- Lakukan aktiviti penyediaan tanah mengikut fasa seperti jadual pengairan yang dikeluarkan oleh MADA/KADA.
- Patuh kepada jadual ini juga membantu penuaian dijalankan secara berperingkat-peringkat.

CHECK UTAMA 5 PENYEDIAAN TANAH

“Penyediaan tanah yang sempurna asas kepada pertapakan benih yang seragam”

- Putar tanah sehingga kedalaman 10 cm – 15 cm (4 inci – 6 inci).
- Sebelum menabur benih pastikan keadaan tanah lumat dan bersaiz kurang dari 2.5 cm (1 inci).
- Tanah sawah perlu rata. Perbezaan kerataan tanah mestilah lebih kurang 5 cm (2 inci)
- Buang jerami padi, tunggul padi, rumpai atau anak padi batat yang masih tertinggal di dalam petak.
- Buat lorong kerja pada jarak 10 kaki antara lorong

CHECK UTAMA 6 MENABUR BENIH

“Benih terbaik menjamin hasil yang tinggi”

- Guna benih terbaik dan berkualiti yang didapati dari sumber yang sah.
- Peratus percambahan benih mestilah tidak kurang dari 80%.
- Rendam benih dengan bahan penggalak percambahan bagi membantu pertapakan anak benih yang baik.
- Tabur 140 kg/hektar (40 kg/relong) bagi mendapatkan sekurang-kurangnya 400 bilangan anak benih yang bercambah untuk 1 meter persegi.
- Guna penyembur berjentera untuk mendapatkan sebaran benih yang seragam.

**CHECK UTAMA 7
PEMBAJAAN**

“Hasil yang tinggi diperoleh melalui pembekalan nutrien yang mencukupi dan tepat pada masa yang diperlukan”

- Pembajaan penting untuk memastikan sasaran komponen hasil 10 tan sehektar dicapai:

PERINGKAT PERTUMBUHAN	SASARAN KOMPONEN HASIL 10 TAN / HEKTAR
15 HLT (3 helai daun)	400 anak benih / m ²
35 HLT (Mula beranak)	500 – 600 pokok / m ²
50 – 65 HLT (Pembentukan tangkai)	500 tangkai dengan 120 biji / tangkai
70 – 85 HLT (Pengisian biji padi)	Lebih 75% bernas dengan berat 1,000 biji 27 gram atau 2.25 gram setangkai

**CHECK UTAMA 8
PENGURUSAN AIR**

“Pengurusan air yang cekap dan mencukupi pada masa diperlukan adalah penting untuk pengeluaran hasil yang tinggi”

- Buat parit kilik sepanjang batas petak untuk mempercepatkan pengairan dan saliran.
- Jaga kedalaman air di dalam petak antara 5 – 10 cm (2-4 inci) bergantung kepada ketinggian pokok sepanjang peringkat pertumbuhan.
- Pastikan jangan berlaku kekeringan kerana ia akan mengurangkan hasil padi.

Bagi varieti matang 105 – 111 hari keringkan air 7 – 10 hari sebelum tuai.

Bagi varieti matang 120 hari dan lebih keringkan air 14 hari sebelum tuai.

**CHECK UTAMA 9
KAWALAN PEROSAK**

“Rumpai dan makhluk perosak boleh mengurangkan hasil padi”

KAWALAN RUMPAI

1. Penyediaan tanah dan pengurusan air yang sempurna membantu dalam kawalan rumpai.
2. Periksa 3 – 5 hari sekali selepas tabur benih dan kenalpasti rumpai yang terdapat di dalam petak sawah.
3. Masa mengawal rumpai ialah :

- **TERBAIK** pada tempoh **KURANG 15 HLT**
- **KRITIKAL** pada **15 – 30 HLT**
- **KURANG BERKESAN** pada **LEBIH 30 HLT**

1. Pilih jenis racun rumpai yang sesuai dengan rumpai yang dikenalpasti di sawah. Antara jenis racun yang biasa digunakan ialah prethilachlor, thiobencarb + propanil dan 2, 4-D butyl ester.
2. Dinasihatkan JANGAN guna racun jenama yang sama lebih dari 3 musim berturut-turut kerana ia boleh menyebabkan kerintangan (kebal).

**KAWALAN MAKHLUK PEROSAK DAN
PENYAKIT**

1. Kawalan perosak perlulah mengikut konsep Pengurusan Perosak Secara Bersepadu (IPM) iaitu kawalan dijalankan setelah serangan mencapai tahap ambang tindakan.
2. Buat pengumpanan sebelum dan semasa penyediaan tanah, semasa menabur benih, padi bunting dan padi berbuah.

**CHECK UTAMA 10
PENUAIAN**

“Pengurusan penuaian sempurna menentukan hasil sebenar diperolehi”

- Tuai tanaman apabila 85% padi masak.
- Awasi kerja-kerja penuaian bagi memastikan peratus kehilangan (padi tumpah) berada pada tahap minima.



Inspirasi Fertigasi Rock Melon PPK Kuala Selangor

Oleh : Norsidah binti Haji Mohd Nor

Kaedah fertigasi merupakan sebuah kaedah pertanian yang tidak asing lagi di kalangan para petani dan usahawan moden masa kini. Fertigasi berasal dari perkataan inggeris iaitu *fertilization* dan *irrigation* yang membawa definisi, kaedah penanaman melalui pemberian baja yang lengkap kepada tanaman dalam bentuk larutan dan disalurkan ke zon akar melalui sistem pengairan titisan.

Kaedah fertigasi ini begitu dikenali terutamanya di kalangan usahawan muda. Justeru, Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Selangor (PPKKS) melaksanakan Projek Fertigasi Rock di Lembah Peladang, Bandar Saujana Utama di atas tanah milik penuh PPKKS. Keluasan keseluruhan tanah yang diusahakan dari tahun 2014 hingga 2015 adalah berjumlah 4 ekar yang merupakan kendalian PPKKS sepenuhnya.



Bermula pada tahun 2014, PPKKS telah mengusahakan tanah yang berkeluasan 2 ekar dengan jumlah polibeg 8,000 beg. Peruntukan yang diberikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi projek ini adalah sebanyak RM90,000 dengan melibatkan usahasama antara PPKKS dengan seorang usahawan iaitu Haji Solihen bin Morsen.

Seterusnya, pada tahun 2015 PPKKS terus mengorak langkah bagi menjayakan lagi penanaman Rock Melon ini melalui pembukaan 2 ekar tanah lagi dengan bilangan polibeg sebanyak 6,500 beg. Bagi projek yang kedua ini, LPP telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM70,000 manakala PPKKS pula memperuntukkan RM20,000. Seorang usahawan iaitu En. Shahrumb bin Tumiran telah menjalinkan usahasama dengan PPKKS bagi menjayakan projek kedua ini.

Setiap kejayaan yang diperolehi pastinya melalui waktu-waktu sukar yang menjadi azimat kekuatan. Di awal pelaksanaan projek ini, PPKKS mengambil masa yang begitu lama untuk membuat penyambungan bekalan elektrik dan air. Walaubagaimanapun, PPKKS telah membuat tindakan susulan dengan pihak TNB dan Syabas bagi menyelesaikan masalah ini.

Pada awal pelaksanaan projek, PPKKS memerlukan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran bagi memantau dan mengambil tindakan pencegahan atau pemulihan sekiranya berlaku sebarang masalah. Ini adalah penting bagi memastikan kejayaan dan keberhasilan projek ini ditahap yang membanggakan. Justeru, PPKKS telah mengenalpasti dan memilih rakan usahasama yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam mengendalikan projek fertigasi.

Perlaksanaan sesebuah projek samada projek ternakan mahupun tanaman pastinya memerlukan pelaburan input. Sewaktu projek ini berlangsung, PPKKS turut mengalami tempas kenaikan harga input pertanian terutamanya medium penanaman (polibeg, sabut kelapa, dan tray semaian), benih yang berkualiti, racun serangga dan pembekalan baja yang mencukupi. Masalah ini bagaimanapun dapat ditangani oleh PPKKS dengan sebaiknya.

Ternyata usaha keras yang giat dilakukan oleh usahawan dan anggota PPKKS telah membuahkan hasil pengeluaran Rock Melon yang amat membanggakan. Berikut adalah unjuran aliran keuntungan bagi penjualan Rock Melon yang memberi pendapatan kepada usahawan dan PPKKS bagi satu pusingan.

Keluasan	: 4 ekar (14,500 polybeg)
Anggaran	: 1 biji = 2.0 kg
Harga	: RM 3.60/kg
Jualan	: 14,500 polybeg x RM 3.60 x 2.0 kg = RM 104,400.00
Pulangan PPKKS	: RM 104,400.00 x 10% = RM 10,440.00/ pusingan
Pulangan Usahawan	: RM 104,400.00 x 90% = RM 93,960.00/ pusingan

Kejayaan dalam menghasilkan pengeluaran Rock Melon dan keuntungan lumayan yang diperolehi dengan pemasaran hasil Rock Melon melalui kaedah ladang kontrak telah membuahkan perancangan masa hadapan anggota PPKKS. Pihak PPKKS begitu komited untuk melaksanakan projek fertigasi di atas 8 ekar tanah yang berhampiran projek sedia ada pada masa hadapan.

Nyata, penanaman melalui kaedah fertigasi ini memberi pendapatan yang lumayan hasil

dari penjagaan dan pemberian input pertanian yang efisien kepada tanaman. Kejayaan yang membanggakan ini perlu dijadikan inspirasi kepada semua khususnya anggota Pertubuhan Peladang dalam menjadi penggerak kepada melahirkan usahawan yang berjaya di bawah PPK masing-masing. Bak kata pepatah "menanamlah hari ini untuk kita menuai hari esok". Syabas dan tahniah PPKKS!





Adakah anda seorang **PENULIS?**

Anda ingin **cuba menulis?**

Anda berhasrat **memberi sumbangan** dalam majalah **Transformasi LPP?**

Anda **boleh menulis** daripada sekarang..

Hantar sumbangan anda segera!!!

Bayaran akan dibuat setelah artikel anda diterima dan disiarkan.

BERIKUT ADALAH SYARAT-SYARAT PENULISAN BAGI SUMBANGAN ARTIKEL :

- Artikel yang disumbangkan perlulah 70% penulisan dan 30% gambar.
- Gambar yang disertakan perlulah menarik dan mempunyai kaitan (*related*) dengan artikel yang dihantar.
- Sertakan minimum 5 keping gambar yang berbeza bagi setiap artikel.
- Penulisan yang di hantar hanya berkaitan dengan pertanian dan LPP.
- Hasil penulisan yang diciplak tidak akan diterima. Sekiranya didapati hasil penulisan yang dihantar bukan karya asli, maka artikel akan dipulangkan kembali.
- Artikel yang dihantar sekurang-kurangnya mempunyai asas tatabahasa yang baik dan gaya bahasa penulisan yang menarik.
- Setiap muka surat penulisan akan dibayar sebanyak RM70.00.
- Kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya penulisan anda ditolak disebabkan tidak memenuhi syarat-syarat di atas.
- Setiap hasil karya yang ditolak akan dipulangkan semula kepada penulis asal.

Hantarkan ke alamat :

Bahagian Hal Ehwal Korporat

Menara LPP,

NO.20, Jalan Sultan Salahuddin,

50480 Kuala Lumpur.

Sebarang pertanyaan??

Sila hubungi 03 – 26109609

Bhg. Hal Ehwal Korporat

